



## **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

---

### **KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**NO. SEBUT HARGA : Bil. PSUKPP/69/2016**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **221510** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut :-

#### **“PERKHIDMATAN SEWAAN TANAH KERAJAAN (48 PETAK LETAK KERETA) SEBAHAGIAN LOT 771, SEKSYEN 19, DEWAN SRI PINANG”**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

**Tarikh : 26 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)**

**Masa : 10.00 pagi**

**Tempat : Bilik Dahlia Dewan Sri Pinang  
Lebuh Light, 10200, Pulau Pinang**

**Kehadiran : Pemilik Syarikat sahaja (wakil tidak dibenarkan).**

3. Tuan/ Puan adalah diminta membawa bersama dokumen asal dan salinan yang masih sah laku (salinan asal dan salinan fotostat) seperti berikut :-

- i) Cetakan Spesifikasi dari Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP);
- ii) Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah; *dan*
- iii) Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang ditetapkan) yang masih sah.

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **27 SEPTEMBER 2016 (SELASA)**.
5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 04 OKTOBER 2016 (SELASA) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga Bil. PSUKPP/69/2016 di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Pengurusan Aset & Bangunan, Paras 25, KOMTAR, Jalan Penang, Pulau Pinang**. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup (**04 OKTOBER 2016**).
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang

## SPESIFIKASI

1. Penyebutharga hendaklah menggunakan Tanah itu sebagai tapak letak kereta sahaja. Pada setiap masa, tiada apa-apa binaan dibenarkan untuk didirikan di atas tanah itu. Waktu operasi adalah seperti berikut :-
  - i. **Waktu Pejabat (Pelanggan Bulanan)**  
Isnin hingga Jumaat - 7.30 pagi hingga 5.30 petang
  - ii. **Waktu Lain (Penyewa Kemudahan Dewan Sri Pinang)**  
Isnin hingga Jumaat - 5.30 petang hingga 12.00 malam  
(Mengikut keperluan)  
  
Sabtu, Ahad dan Cuti - 7.00 pagi hingga 12.00 malam  
Kelepasan Am (Mengikut keperluan)
2. Kontrak Perkhidmatan ini dibuat untuk tempoh **dua(2) tahun sahaja**.
3. Penyebutharga yang berjaya **WAJIB** membayar wang deposit sebanyak **tiga(3) bulan harga sewaan** secara keseluruhan dan akan dibayar oleh penyebutharga yang berjaya dalam masa tujuh(7) hari setelah diberitahu bahawa tawarannya telah diterima.
4. Bayaran sewaan bagi setiap bulan hendaklah dibayar secara tunai ataupun cek berpalang atas nama **Bendahari Negeri Pulau Pinang** selewat-lewatnya pada **tujuh(7) haribulan** bagi bulan tersebut. Bayaran Sewaan yang lewat diterima akan dikenakan faedah pada kadar 6% setahun.
5. Penyebutharga tidak dibenarkan untuk Sewaan itu dipindah milik, sewaan dan/ atau sewaan kedua tanpa kebenaran bertulis daripada Pemilik (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri – bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang). Penyebutharga juga tidak dibenarkan menggunakan tapak letak kereta untuk mengutip apa-apa bayaran jika tiada sebarang majlis.
6. Penyebutharga dengan biayaannya sendiri hendaklah menyediakan Papan-Papan Tanda yang menunjukkan laluan Keluar/ Masuk, Kadar Bayaran Meletak Kereta, Papan Kenyataan dan seumpamanya di atas Tanah itu dengan secukupnya.

7. Penyebutharga yang berjaya diwajibkan mengurus dan memastikan kesemua petak letak kereta dicat dan dinomborkan semula setiap satu(1) tahun [atau tidak melebihi tempoh setiap satu(1) tahun] daripada tarikh surat setuju terima. Berdasarkan syarat ini, dalam tempoh dua(2) tahun sewaan, penyebutharga hendaklah mengecat dan menomborkan semula petak letak kereta sekurang-kurangnya dua(2) kali dengan biayaannya sendiri.
8. Penyebutharga hendaklah mengeluarkan resit bagi setiap bayaran yang diterima pada setiap bulan. Pemilik pada setiap masa adalah berhak untuk memeriksa buku resit tersebut.
9. Kadar bayaran meletak kereta adalah terbahagi kepada dua kategori seperti berikut :-

<b>i</b>	<b>Kategori Pertama –</b> <b>Hari Bekerja Biasa (7:30 pagi – 5:30 petang)</b>	
	• Bayaran Bulanan	RM120.00 sebulan
	• Mana-mana Kenderaan Kerajaan/ Milik Pegawai Kerajaan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (dikhaskan di petak berbungung)	Percuma
<b>ii</b>	<b>Kategori Kedua –</b> <b>Hari Selepas Waktu Bekerja Biasa (5:30 petang – 12:00 malam) dan Cuti Umum &amp; Cuti Kelepasan (7:00 pagi – 12:00 malam)</b>	
	• Majlis selain daripada jamuan makan (sekali masuk)	RM3.00
	• Majlis jamuan makan sahaja (sekali masuk)	RM1.00
	• Mana-mana Kenderaan Kerajaan/ Milik Pegawai Kerajaan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (dikhaskan di petak berbungung)	Percuma

10. Penyebutharga hendaklah mengecualikan sebarang bayaran bagi majlis-majlis anjuran Kerajaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pemilik akan memaklumkan dalam tempoh yang munasabah).
11. Pemilik adalah bebas daripada apa-apa dakwaan ke atas kehilangan atau kerosakan mana-mana kereta/ kenderaan yang diletak di atas Tanah itu. Semua urusan keselamatan di atas penggunaan Tanah itu adalah tanggungjawab penyebutharga.

12. Penyebutharga hendaklah menyediakan pekerja yang mencukupi untuk mengendalikan tempat meletak kereta itu. Penyebutharga juga bertanggungjawab untuk :-
  - i) Menyediakan pekerja tempatan/ Warganegara Malaysia;
  - ii) Mahir dan berpengalaman dalam mengatur/ selia tempat letak kereta;
  - iii) Lengkap berpakaian kemas/ seragam dan mempunyai tanda nama;
  - iv) Bersikap jujur, amanah, sopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab; *dan*
  - v) Bebas dari rekod jenayah.
13. Penyebutharga dikehendaki menyerahkan butiran lengkap peribadi setiap pekerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain maklumat yang dirasakan perlu kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan rekod.
14. Penyebutharga dikehendaki melantik seorang Penyelia untuk mengawasi serta membuat lawatan/ pemeriksaan pada setiap hari.
15. Penyebutharga perlu memastikan pekerja mengutip bayaran meletak kenderaan dalam kawasan tapak sewaan dan menunggu diposisinya sehingga semua kenderaan keluar, pekerja hendaklah segera memaklumkan kepada Pengawal Keselamatan Dewan Sri Pinang untuk menutup semula pintu pagar.
16. Kerajaan Negeri berhak mengeluarkan arahan kepada penyebutharga untuk memberhenti mana-mana pekerja yang didapati tidak berdisiplin dan tidak mematuhi arahan atau melanggar mana-mana undang-undang yang boleh menyebabkan terjejasnya imej Kerajaan Negeri.
17. Semua kos yang terlibat dengan Perjanjian dan operasi tempat meletak kereta hendaklah menjadi tanggungjawab sepenuhnya oleh penyebutharga (duti setem, fi dan apa-apa perkara berkaitan dengannya).
18. Penyebutharga, semasa menjalankan operasi tempat meletak kereta, hendaklah sentiasa mematuhi semua kehendak undang-undang yang sedang berkuatkuasa dan diterima pakai oleh semua agensi Kerajaan yang berkaitan dengan operasi tempat meletak kereta itu.
19. Sekiranya dalam Tempoh Sewaan, Pemilik berhasrat untuk menggunakan Tanah itu atau sebahagian daripada Tanah itu bagi maksud Urusan Kerajaan, Pemilik berhak membatalkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis kepada penyebutharga. Penyebutharga tidak berhak untuk menuntut apa-apa kerugian atau mendapat balik apa-apa bayaran sewaan yang telah dibuat kepada Pemilik.

20. Jika dalam Tempoh Sewaan, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk melupuskan Tanah itu kepada mana-mana pihak, maka Perjanjian ini adalah terbatal dengan sendirinya mulai daripada tarikh Kerajaan Negeri membuat keputusan itu. Penyewa hendaklah mengosongkan Tanah itu dalam tempoh 30[tiga puluh] hari daripada tarikh notis diterima daripada Pemilik.
21. Penyewa adalah bertanggungjawab untuk menyerah balik Tanah itu kepada Pemilik dalam keadaan asalnya sebaik sahaja Perjanjian ini tamat dan/ atau terbatal, yang mana terlebih dahulu.
22. Sekiranya Penyewa gagal mematuhi terma dan mana-mana syarat dalam Perjanjian ini, maka Perjanjian ini adalah terbatal dengan serta-merta dan penyebutharga tidak layak menuntut apa-apa bayaran gantirugi/ pampasan daripada Pemilik dan apa-apa bayaran yang telah dibayar kepada Pemilik adalah menjadi milik Pemilik sepenuhnya **kecuali** wang deposit yang akan dikembalikan kepada Penyewa setelah mengambil kira apa-apa bayaran yang terhutang oleh Penyewa ke atas Pemilik.
23. Pemilik dan/ atau Penyewa adalah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan menulis surat rasmi memaklumkan akan hasrat masing-masing dan surat itu hendaklah dihantar dengan Pos Berdaftar yang dialamatkan kepada atau serahan tangan kepada alamat masing-masing seperintama tertera dalam surat perjanjian ini.
24. Semua kerosakan kepada harta Kerajaan Negeri yang berlaku atas kecuaian Penyewa akan dibiayai oleh Penyewa.
25. Kerja-kerja penyelenggaraan (yang munasabah dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak) boleh ditambah dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk membayar setiap kos kerja tambahan yang dilaksanakan.
26. Pihak Pemilik iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan berhak meminda, memantau dan/ atau mengubah syarat-syarat perjanjian, kadar harga dan lain-lain keperluan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.
27. Penyebutharga yang berjaya akan menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran K dan L**.